

Newspaper	Berita Harian
Date	13 November 2015

Bukti pengiktirafan global: Najib

» Raih 165 undi, antara 8 wakil Asia Pasifik



Mohd Johari Ibrahim
joib@bh.com.my
Paris

Kejayaan Malaysia menduduki kerusi Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) adalah pengiktirafan global terhadap negara ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

“Ini adalah pengiktirafan terhadap usaha kita (Malaysia) dan berharap akan lebih menyumbang pada peringkat antarabangsa,” kata Perdana Menteri menerusi entri rasmi Twitternya, semalam.

Pada pengundian kelmarin, Malaysia memenangi kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO bagi penggal 2015-2019 di antara lapan negara Asia Pasifik dengan 165 undi. Negara lain dalam kumpulan itu ialah Afghanistan, Iran,



Wakil tetap Malaysia ke UNESCO, Datuk Mohd Zulkifli Mohamad (kiri); Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, Rohani, Nazri dan Ketua setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur gembira selepas Malaysia **diumumkan menduduki kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO.**
[FOTO IHSAN HERMY ABDULLAH/BH]

Pakistan, Korea Selatan, Samoa, Sri Lanka dan Vietnam. Afghanistan dan Samoa tidak berjaya.

Secara keseluruhan dalam kalangan 31 kerusi Lembaga Eksekutif yang dipertandingkan pula, Malaysia mendapat undi ketiga terbanyak selepas Lithuania (171) dan Slovenia (167). Sejumlah 186 daripada 195 negara anggota UNESCO layak mengundi.

Berikutan kemenangan itu,

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, yang mengetuai delegasi Malaysia, mewakili negara menduduki kerusi berkenaan bagi penggal 2015-2019.

Kepemimpinan Perdana Menteri dihormati

Mahdzir menyifatkan kemenangan itu juga menunjukkan kepemimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri, dihormati

pada peringkat antarabangsa.

“Sebagai anggota Lembaga Eksekutif UNESCO, Malaysia akan terus memainkan peranan penting bagi menjayakan agenda dan program UNESCO di peringkat antarabangsa, khususnya rantau Asia Pasifik,” katanya.

Beliau menyifatkan kemenangan Malaysia juga hasil kerja keras pasukan negara yang terdiri pegawai daripada Kementerian Luar; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Di bawah struktur organisasi UNESCO, ada tiga badan penting yang bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju pertubuhan iaitu Lembaga Eksekutif, Sekretariat UNESCO dan Persidangan Agung.

Malaysia pernah menduduki kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO sebanyak lima kali sebelum ini sejak menganggotai pertubuhan dunia itu pada 1958.

Mahdzir berkata, Malaysia akan terus berkongsi pengalaman dan pelbagai inisiatif pembangunan dalam bidang tumpuan UNESCO menerusi kerusi Lembaga Eksekutif, satu daripada badan yang

menentukan hala tuju pertubuhan itu.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz, yang turut berada di sini, berkata kejayaan itu akan meningkatkan profil negara pada peringkat antarabangsa termasuk bidang pelancongan.

“Kemenangan ini menyebabkan Malaysia mempunyai profil tinggi kerana kita negara kecil dan menang, kita juga mempunyai banyak tapak warisan UNESCO yang menjadi tumpuan pelancong,” katanya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim, berkata kemenangan Malaysia memang wajar kerana komitmen ditunjukkan negara dalam membangunkan bidang tumpuan UNESCO.

“Kita sudah tunjukkan yang terbaik. Antara yang saya banyak dengar dari perwakilan dan pegawai UNESCO ialah mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang memberi banyak contoh kepada negara anggota,” katanya.

Rohani juga akan bertanding presiden bagi satu sub organ UNESCO, iaitu Program Penguurusan Transformasi Sosial (MOST) pada Sabtu ini.

BH - 13/11/2015